

1. PENDAHULUAN

Pihak Majlis Perbandaran Dungun berhasrat untuk mengadakan satu pertandingan fotografi dan video kreatif untuk mempamerkan keindahan Daerah Dungun.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Membuka peluang kepada peserta untuk mengenali Dungun dengan lebih dekat serta menghargai keindahan Dungun.
- 2.2. Meningkatkan daya kreativiti peserta dalam menghasilkan fotografi dan video kreatif yang terbaik.
- 2.3. Menambahkan pengkalan data foto dan video kreatif yang berkualiti.
- 2.4. Memupuk minat dalam bidang fotografi dan videografi di kalangan masyarakat.

3. KONSEP PROGRAM

3.1. Syarat-syarat Umum

3.1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia dan mengutamakan penyertaan perserta terawal iaitu:

- i. Foto - 500 penyertaan
- ii. Video - 100 penyertaan

3.1.2 Foto dan video penyertaan hendaklah diambil dalam Daerah Dungun sahaja. Lokasi serta keterangan mengenai foto dan video hendaklah dinyatakan.

3.1.3 Foto dan video hendaklah hasil kerja peserta tidak mewakili individu lain.

3.1.4 Majlis Perbandaran Dungun selaku pengajur tidak akan bertanggungjawab di atas segala kecederaan atau kehilangan apa-apa musibah yang berlaku terhadap peserta atau peralatan milik peserta sepanjang pertandingan dijalankan.

3.1.5 Peserta hendaklah mendapatkan kebenaran dari mana-mana individu atau pemilik lokasi yang dirakam dalam foto atau video masing-masing agar tidak melanggar etika dan mengganggu ketenteraman awam terlibat.

3.1.6 Penganjur berhak untuk menolak penyertaan atau

menarik balik hadiah yang diberikan sekiranya didapati hasil karya adalah tidak asli. Penyertaan dibatalkan serta merta sekiranya gambar yang dihantar pernah memenangi atau menyertai pertandingan-pertandingan yang lain sebelum ini.

- 3.1.7 Penjurian pertandingan akan diadili oleh juri profesional dan Majlis Perbandaran Dungun, keputusan pertandingan adalah muktamad.
- 3.1.8 Semua foto dan video penyertaan dalam pertandingan ini boleh digunapakai oleh penganjur (Majlis Perbandaran Dungun) untuk apa-apa jua tujuan promosi, pengiklanan, pameran atau yang berkaitan tanpa mendapat kebenaran pemilik foto dan video.
- 3.1.9 Foto dan video asal boleh digunakan oleh peserta untuk lain-lain tujuan dan kekal milik peserta

3.2. Syarat-syarat penyertaan (Kategori Fotografi)

- 3.2.1 Kamera DSLR @ Mirrorless @ Action Cam Pro atau drone sahaja dibenarkan untuk menyertai pertandingan.
- 3.2.2 Setiap penyertaan perlu dihantar ke fotografimpd@gmail.com menggunakan Google Drive atau attachments sebelum atau pada 30 Jun 2024.
- 3.2.3 Foto-foto yang dihantar untuk bertanding hendaklah **TIDAK KURANG** dari saiz 6.0 Megapixel JPEG High Resolution bersamaan 3000X2000 pixel & ke atas mengikut syarat suntingan dibenarkan sahaja. Foto Hitam & Putih tidak diterima. Foto juga harus mempunyai exit data.
- 3.2.4 Suntingan foto yang dibenarkan hanya menerusi fail RAW (sharpness, saturation, brightness contract, white balance). Cloning/stamp dust adalah dibenarkan selagi ianya tidak menjejaskan rupa asal foto.
- 3.2.5 **Peserta hendaklah menyertakan tajuk rakaman, nama peserta (individu) atau kumpulan, lokasi rakaman, nombor telefon & e-mail dan kapsyen/synopsis bagi setiap foto yang dihantar.**

3.3 Syarat-syarat penyertaan(Kategori Video Kreatif)

- 3.3.1 Penyertaan boleh dikemukakan secara individu atau berkumpulan.
- 3.3.2 Video yang dihasilkan mesti tidak kurang dari 2 minit dan

- tidak lebih dari 5 minit termasuk kredit.
- 3.3.3 Peserta hendaklah menggunakan peralatan merakam sendiri sama ada menggunakan telefon pintar atau perakan video untuk menghasilkan video.
 - 3.3.4 Format video yang ditetapkan adalah **mov, avid** dan **mp4** sahaja
 - 3.3.5 Setiap penyertaan perlu dihantar dalam bentuk High Definition (16:9) ke fotografimpd@gmail.com menggunakan Google Drive sebelum 30 Jun 2024.
 - 3.3.6 **Peserta hendaklah menyertakan tajuk rakaman, nama peserta (individu) atau kumpulan, lokasi rakaman, nombor telefon & e-mail dan kapsyen/synopsis bagi setiap video yang dihantar.**

4. BUTIRAN PROGRAM

- 4.1 Tarikh Penyertaan – Penyertaan foto dan video kreatif rakam bermula 15 Mei 2024 – 30 Jun 2024
- 4.2 Tema – **SEINDAH DUNGUN SESANTUN BUDAYA**
- 4.3 Yuran – Percuma

5. KATEGORI PERTANDINGAN

- 5.1 Kategori Fotografi
- 5.2 Kategori Video Kreatif

6. HADIAH PERTANDINGAN

- 6.1 Kategori Fotografi (Terbuka)
 - Tempat Pertama : RM 500.00 & Sijil Penyertaan
 - Tempat Ke-2 : RM 300.00 & Sijil Penyertaan
 - Tempat ke -3 : RM 150.00 & Sijil Penyertaan
- 6.2 Kategori Video(Terbuka)
 - Tempat Pertama : RM 700.00 & Sijil Penyertaan
 - Tempat Ke-2 : RM 500.00 & Sijil Penyertaan
 - Tempat ke-3 : RM 300.00 & Sijil Penyertaan